KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

**LAPORAN HARIAN KHAMIS, 21 OGOS 2025**



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




21/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **PERAK CATAT KES KEGANASAN RUMAH TANGGA KEDUA TERTINGGI** | | NEUTRAL |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/perak-catat-kes-keganasan-kedua-tertinggi-di-malaysia | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/perak-kedua-tertinggi-kes-keganasan-rumah-tangga/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/08/20/perak-kedua-tertinggi-rekod-keganasan-rumah-tangga/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.ipohecho.com.my/2025/08/20/perak-among-top-5-states-with-highest-domestic-violence-cases/ | IPHOECHO.COM | |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/08/20/keganasan-rumah-tangga-juga-sama-seperti-kes-buli/ | TVSARAWAK.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **3,768 KEGANASAN RUMAH TANGGA DIREKODKAN HINGGA JUN, 27 PERATUS LELAKI** | | NEUTRAL |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1254589/3768-keganasan-rumah-tangga-direkodkan-hingga-jun-27-peratus-lelaki | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2458746 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/08/20/3768-domestic-violence-cases-recorded-from-january-to-june | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2458729 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/20/over-3700-domestic-violence-cases-reported-nationwide-as-of-june-says-noraini | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1435791/1017-kes-lelaki-jadi-mangsa-keganasan-rumah-tangga-dalam-tempoh | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1262929/over-1000-men-report-domestic-violence-malaysia | NST.COM.MY | |




21/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **KPWKM KOMITED PERKUKUHKAN DASAR DAN UNDANG-UNDANG, BENDUNG KEGANASAN RUMAH TANGGA** | | POSITIF |
| | https://umno-online.my/2025/08/20/kpwkm-komited-perkukuhkan-dasar-dan-undang-undang-bendung-keganasan-rumah-tangga/ | UMNO-ONLINE.COM | |
| | https://weirdkaya.com/kpwkm-launches-advocacy-program-to-tackle-domestic-violence/ | WEIRDKAYA.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **KPWKM SEDIA BERI INPUT CADANGAN PENUBUHAN TRIBUNAL DEMI KEBAIKAN KANAK-KANAK** | | POSITIF |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-sedia-beri-input-cadangan-penubuhan-tribunal-demi-kebaikan-kanakkanak-535064 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2458867 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/08/20/kpwkm-sedia-beri-input-cadangan-penubuhan-tribunal-demi-kebaikan-kanak-kanak/ | TVSARAWAK.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2458836 | BERNAMA.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/kpwkm-ready-to-provide-input-on-anti-bullying-tribunal-proposal-MA14727964 | THESUN.MY | |

21/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **KES ZARA QAIRINA: 5 REMAJA DITUDUH GUNA PERKATAAN MENCELA, MENGAKU TIDAK BERSALAH** | | **NEGATIF** |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1435665/terkini-kes-zara-qairina-5-remaja-dituduh-guna-perkataan-mencela | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/744298/berita/semasa/kes-zara-qairina-lima-remaja-tak-mengaku-salah-mencela-guna-kata-kesat | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/08/20/kes-zara-lima-remaja-dituduh-guna-perkataan-mencela-mengaku-tak-bersalah/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/08/20/5-didakwa-guna-perkataan-cela-terhadap-zara-qairina | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/5-remaja-didakwa-cela-zara-qairina-dikawal-ketat-polis/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://beautifulnara.com/kes-zara-qairina-dituduh-menggunakan-perkataan-cela-lima-remaja-mengaku-tidak-bersalah/ | BEAUTIFULNARA.COM | |
| | https://www.mingguanwanita.my/mengaku-tidak-bersalah-5-remaja-dituduh-guna-perkataan-mencela-terhadap-allahyarhamah-zara-qairina/ | MINGGUANWANITA.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/20/zara-qairina-case-teens-plead-not-guilty-to-charge-of-bullying | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2458618 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/08/1262844/zara-qairina-case-five-teens-plead-not-guilty-bullying-charge | NST.COM.MY | |
| | https://says.com/my/seismik/5-remaja-mengaku-tidak-bersalah-atas-pertuduhan-guna-perkataan-mencela-arwah-zara-qairina | SAYS.COM | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/20/five-teens-plead-not-guilty-after-charged-in-kota-kinabalu-childrens-court-with-abusive-words-against-zara-qairina/188298 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.scoop.my/berita/267738/kes-zara-qairina-5-remaja-didakwa-guna-perkataan-mencela-mengaku-tidak-bersalah/ | SCOOP.MY | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=X5Yjv5Vlp2g | YOUTUBE | |

21/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **KES ZARA QAIRINA: PEGUAM MOHON 'GAG ORDER' DARIPADA MAHKAMAH KANAK-KANAK – TPR** | | NEUTRAL |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/kes-zara-qairina-peguam-mohon-gag-order-daripada-mahkamah-kanak-kanak-tpr/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2025/08/1254558/kes-zara-ram-singh-mohon-gag-order-daripada-mahkamah-kanak-kanak | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/20/lawyer-confirms-gag-order-in-bullying-trial-of-late-zara-qairina-at-kota-kinabalu-childrens-court/188293 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1435777/kes-zara-qairina-peguam-ram-singh-mohon-gag-order-daripada-mahkamah | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/08/20/gag-order-issued-in-zara-case-lawyer-says-not-to-protect-vips | FREEMALAYSIATODAY.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **KES ZARA QAIRINA: KHIDMAT KAMI PRO BONO, TERTUDUH BUKAN ANAK VVIP - RAM SINGH** | | NEUTRAL |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1435839/kes-zara-qairina-khidmat-kami-pro-bono-tertuduh-bukan-anak-vvip-ram | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/744335/berita/semasa/kes-zara-qairina-saya-beri-khidmat-secara-percuma-tertuduh-bukan-anak-vvip---ram-singh | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-zara-qairina-saya-beri-khidmat-percuma-tertuduh-bukan-anak-vvip-ram-singh-535049 | ASTROAWANI.COM | |

21/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **KANAK-KANAK TERLIBAT JENAYAH TETAP BOLEH DIDAKWA** | | NEUTRAL |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kanak-kanak-terlibat-jenayah-tetap-boleh-didakwa | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/region/news.php/news.php?id=2458770 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/111797/nine-frequently-asked-questions-on-the-penal-code-and-child-act-2001-released-by-the-legal-affairs-division | THEVIBES.COM | |
| | https://themalaysianreserve.com/2025/08/20/children-remain-accountable-under-criminal-law/ | THEMALAYSIANRESERVE.COM | |
| | https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/infografik/senarai-berita-infografik/senarai-artikel/akta-kanak-kanak-2001-akta-611 | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2458714 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1435595/apakah-akta-kanak-kanak-2001-dan-perbezaan-kanun-keseksaan-ini | BHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | **CADANGAN AKTA ANTIBULI PERLU DITELITI – AZALINA** | | POSITIF |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/cadangan-akta-antibuli-perlu-diteliti-azalina/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-pertimbang-gubal-akta-antibuli,-libat-urus-semua-kementerian | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/20/anti-bullying-act-proposal-to-go-to-cabinet-soon-azalina-says-amid-vague-definition-of-offence-and-penalties/188306 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/752876 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/20/anti-bullying-act-proposal-to-be-presented-to-cabinet-soon-says-azalina | THESTAR.COM.MY | |




21/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 10 | **JAWATANKUASA KHAS CADANG SISTEM ADUAN ‘CHILD-FRIENDLY’, DIBENTANG MINGGU DEPAN** | | POSITIF |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/jawatankuasa-khas-cadang-sistem-aduan-child-friendly-dibentang-minggu-depan/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1435890/jawatankuasa-parlimen-akan-bentang-penyata-isu-buli-sekolah-khamis | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2458820 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jawatankuasa-parlimen-akan-bentang-penyata-isu-buli-sekolah-khamis-depan-535065 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://thesun.my/cerita/berita/jawatankuasa-parlimen-bentang-penyata-isu-buli-sekolah-khamis-depan-MA14726903 | THESUN.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1263120/proposed-child-bullying-tribunal-must-address-victims-emotional-well | NST.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2458760 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/20/parliamentary-committee-to-table-statement-on-bullying-in-school-next-week | THESTAR.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 11 | **POLIS SIASAT KEJADIAN KANAK-KANAK DIBULI, DITENDANG** | | NEGATIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1254564/polis-siasat-kejadian-kanak-kanak-dibuli-ditendang | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/jenayah/polis-siasat-kes-tular-kanak-kanak-dibuli-ditendang/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/744307/berita/semasa/tular-rakaman-kanak-kanak-dibuli-ditendang-di-hadapan-lif | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tular-rakaman-kanakkanak-dibuli-ditendang-di-hadapan-lif-535037 | ASTROAWANI.COM | |

21/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
| --- | --- | --- | --- |
| 12 | **JKM SELANGOR BERI KAUNSELING, RINGAN BEBAN EMOSI KELUARGA ARWAH SYAMSUL HARIS** | | **POSITIF** |
| | https://www.suarakeadilan.my/post/jkm-selangor-beri-kaunseling-ringan-beban-emosi-keluarga-arwah-syamsul-haris | SUARAKEADILAN.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
| --- | --- | --- | --- |
| 13 | **IBU TUNGGAL TABAH BESARKAN TIGA ANAK ISTIMEWA** | | **NEUTRAL** |
| | https://malaysiagazette.com/2025/08/20/ibu-tunggal-tabah-besarkan-tiga-anak-istimewa/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
| --- | --- | --- | --- |
| 14 | **SUAMI ISTERI WARGA EMAS HUNI RUMAH SEMENTARA BANJIR SEJAK LEBIH SEDEKAD** | | **NEGATIF** |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1254342/suami-isteri-warga-emas-huni-rumah-sementara-banjir-sejak-lebih-sedekad | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
| --- | --- | --- | --- |
| 15 | **KANAK-KANAK DITEMUI LEMAS DI MUKA SUNGAI KUALA SEMERAK** | | **NEGATIF** |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1435723/kanak-kanak-ditemui-lemas-di-muka-sungai-kuala-semerak | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2458761 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2025/08/kanak-kanak-10-tahun-lemas-semasa-teman-bapa-bekerja/ | UTUSAN.COM.MY | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 3,768 DOMESTIC VIOLENCE CASES RECORDED NATIONWIDE IN FIRST HALF OF 2025 | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 3,768 domestic violence cases recorded nationwide in first half of 2025

**IPOH:** A total of 3,768 domestic violence cases involving victims aged between 36 and 45 were recorded nationwide from January to June this year.

Deputy Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad revealed that 73 per cent (2,751 cases) of the victims were women, while 27 per cent (1,017 cases) were men.

The highest number of cases was reported in Selangor with 687, followed by Perak (653 cases), Johor (440), Kedah (379), Sabah (289), Sarawak (277), Kelantan (234), Penang (157), Terengganu (146), Negeri Sembilan (141), Kuala Lumpur (120), Pahang and Melaka (103 each), and Perlis (39).

"Greater awareness has led to more victims stepping up to seek help. I urge all victims not to remain silent until the violence escalates to a point of regret or tragedy," she said after launching the 'Advocacy Programme for Women's Wellbeing on Domestic Violence' here yesterday.

In her speech, she highlighted that Perak recorded 842 domestic violence cases last year, making it one of the top five states for such incidents.

For 2025, 425 cases have been reported by April, a sharp increase from 175 cases in the same period last year, she added.

Noraini reassured the public that the ministry is committed to enhancing policies, laws, and support systems for victims of domestic violence.

"Our priority is to raise awareness, empower women to speak out, and create safe spaces for support and recovery," she said, adding that the advocacy programme, also known as 'Aku Wanita@KRT', serves as a strategic platform to engage communities and provide transparent, impactful solutions to tackle domestic violence.

"The ministry's commitment is clear: to prevent, protect, and rehabilitate. No one will be left behind in our support system," she said. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 3,768 KES KEGANASAN RUMAH TANGGA DIREKOD SETAKAT JUN 2025 | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSNA BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# 3,768 kes keganasan rumah tangga direkod setakat Jun 2025

**IPOH:** Sebanyak 3,768 kes keganasan rumah tangga melibatkan mangsa berusia 36 hingga 45 tahun direkodkan di seluruh negara bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata daripada jumlah itu, 73 peratus atau 2,751 kes merupakan mangsa wanita, manakala 27 peratus atau 1,017 kes melibatkan mangsa lelaki.

Beliau berkata Selangor merekodkan 687 kes, diikuti Perak melibatkan 653 kes, Johor (440), Kedah (379), Sabah (289), Sarawak (277), Kelantan (234), Pulau Pinang (157), Terengganu (146), Negeri Sembilan (141), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (120), Pahang dan Melaka masing-masing 103 kes serta Perlis (39).

"Apabila kita buat advokasi seperti hari ini, lebih ramai yang melaporkan (kepada polis) sendiri... Mungkin kesedaran diri menyebabkan mereka tampil ke hadapan untuk membuat laporan, saya nak ambil peluang untuk nasihatkan semua (mangsa) supaya tampil ke hadapan (buat laporan polis).

"Jangan sampai terjadi kes kerana terlampau takut sangat, kemudian keganasan itu terlampau teruk sehingga menyesal kemudian, termasuk ada yang meninggal dunia disebabkan keganasan rumah tangga," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Advokasi Kesejahteraan Untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga di sini, semalam.

Pada 16 Julai lepas, Noraini dilaporkan berkata 2,467 kes keganasan rumah tangga direkodkan di seluruh negara bagi tempoh Januari hingga April tahun ini dengan hasil kajian menunjukkan suri rumah merupakan golongan paling tinggi menjadi mangsa.

Terdahulu dalam ucapan semasa merasmikan program itu, Noraini berkata bagi negeri Perak, kes keganasan rumah tangga sepanjang tahun lepas adalah 842 kes, menjadikan negeri itu sebagai antara lima negeri tertinggi melibatkan kes keganasan rumah tangga.

"Bagi tahun 2025, sehingga April 2025 kes yang dilaporkan di negeri Perak adalah sebanyak 425 kes, berbanding 175 kes dalam tempoh yang sama pada tahun lepas. Angka Ini menunjukkan peningkatan ketara dalam tempoh setahun," katanya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MORE THAN 1,000 MEN ADMIT SUFFERING FROM DOMESTIC VIOLENCE | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

JANUARY TO JUNE

# More than 1,000 men admit suffering from domestic violence

**IPOH:** Domestic violence is often perceived as an issue affecting women, yet more than 1,000 men have come forward as victims of abuse in the first half of this year.

Deputy Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad said while women remained the majority of victims, an increasing number of men were reporting incidents of abuse.

"Although the number is smaller, we were informed that 1,017 male victims lodged reports of domestic violence between January and June.

"Most of them are aged between 36 and 45," said Noraini after launching an advocacy programme on women's well-being and domestic violence at Galasa Cardwell.

Present was Perak Women, Family Development, Community Welfare, Cooperatives and Entrepreneur Development Committee chairman Datuk Salbiah Mohamed.

Noraini said most cases of domestic violence went unreported due to the social stigma attached.

"Domestic violence is not limited to women. Men can also be victims. We've received reports from men who have experienced emotional and, in some cases, physical abuse."

Of the 1,017 male cases reported, 12 involved men with disabilities, predominantly in the same age group.

On domestic violence against women, Noraini said police statistics showed 2,751 cases during the same period, including 20 cases involving women with disabilities.

She added that many victims, regardless of gender, were often reluctant to come forward due to fear, emotional dependence or financial constraints.

"Some victims are afraid to report abuse because they rely on their spouse financially or emotionally.

"There have been instances where reports were filed but later withdrawn out of fear, especially when children are involved."

Police data shows that the five states with the highest number of domestic violence cases from January to June this year are Selangor (687 cases), Perak (653), Johor (440), Kedah (379) and Sabah (289).

"That is why we continue to raise awareness through advocacy programmes like this... to let victims know they are not alone. We are here to help.

"We offer emotional support and counselling services.

"Our counsellors are trained to sit with victims, listen and guide them through the process," she added.

Those in need of assistance can contact the 24-hour Talian Kasih hotline at 15999 or via WhatsApp at 019-2615999.

NEW STRAITS TIMES HEARD THE NEWS? Read with me SCAN ME

# Perak catat kes keganasan rumah tangga kedua tertinggi

Nasional - Dicipta: 20 Ogos 2025 04:07 PM



*Kes yang dilaporkan di negeri Perak meningkat kepada 425 kes berbanding 175 kes yang dilaporkan dalam tempoh sama tahun lepas. - Foto BERNAMA*

***IPOH, 20 Ogos*** - Perak mencatatkan jumlah kes keganasan rumah tangga kedua tertinggi di Malaysia dengan 653 kes direkodkan sehingga Jun 2025, melibatkan mangsa lelaki dan wanita.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata setakat April lepas, kes yang dilaporkan di negeri itu meningkat kepada 425 kes berbanding 175 kes yang dilaporkan dalam tempoh sama tahun lepas.

Menurut beliau ,kebanyakan mangsa terlibat berumur antara 36 hingga 45 tahun.

"Bila kita cakap mengenai peningkatan mesti ada dua sebab iaitu satu memang betul- betul dia jadi mangsa dan dia lapor kepada pihak polis. Yang kedua apabila kita membuat advokasi seperti yang kita buat pada hari ini sehingga menampakkan lebih ramai mangsa keganasan rumah tangga," katanya selepas merasmikan Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@ dan Keganasan Rumah Tangga atau (Aku Wanita @KRT) negeri Perak di Dewan Galasa Caldwell di sini.

Program tersebut bertujuan mendekati masyarakat melalui pelbagai aktiviti berimpak tinggi bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai tentang keganasan rumah tangga.

Selangor merekodkan kes keganasan rumah tangga paling ramai dengan 687 kes, diikuti Johor (440 kes), Kedah (379 kes) dan Sabah (289 kes).

# 3,768 keganasan rumah tangga direkodkan hingga Jun, 27 peratus lelaki

BERNAMA




NORAINI (tiga, kiri) bergambar selepas menyempurnakan Program Advokasi Kesejahteraan Untuk Wanita @ Keganasan Rumah Tangga di Galasa Caldwell hari ini. Turut hadir Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed (dua, kanan). FOTO Bernama.

Ipoh: Sebanyak 3,768 kes keganasan rumah tangga membabitkan mangsa berusia 36 hingga 45 tahun direkodkan di seluruh negara bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata daripada jumlah itu 73 peratus atau 2,751 kes merupakan mangsa wanita, manakala 27 peratus atau 1,017 kes melibatkan mangsa lelaki.

Beliau berkata Selangor merekodkan 687 kes, diikuti Perak melibatkan 653 kes, Johor (440), Kedah (379), Sabah (289), Sarawak (277), Kelantan (234), Pulau Pinang (157), Terengganu (146), Negeri Sembilan (141), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (120), Pahang dan Melaka masing-masing 103 kes serta Perlis (39).

"Apabila kita buat advokasi seperti hari ini, lebih ramai yang melaporkan (kepada polis) sendiri... Mungkin kesedaran diri menyebabkan mereka tampil ke hadapan untuk membuat laporan, saya nak ambil peluang untuk nasihatkan semua (mangsa) supaya tampil ke hadapan (buat laporan polis).

"Jangan sampai terjadi kes kerana terlampau takut sangat, kemudian keganasan itu terlampau teruk sehingga menyesal kemudian, termasuk ada yang meninggal dunia disebabkan keganasan rumah tangga," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Advokasi Kesejahteraan Untuk Wanita @ Keganasan Rumah Tangga di sini hari ini.

Pada 16 Julai lepas, Noraini dilaporkan berkata 2,467 kes keganasan rumah tangga direkodkan di seluruh negara bagi tempoh Januari hingga April tahun ini dengan hasil kajian menunjukkan suri rumah merupakan golongan paling tinggi menjadi mangsa.

Terdahulu dalam ucapan semasa merasmikan program hari ini, Noraini berkata bagi negeri Perak, kes keganasan rumah tangga sepanjang tahun lepas adalah 842 kes, menjadikan negeri itu sebagai antara lima negeri tertinggi melibatkan kes keganasan rumah tangga.

"Sehingga April tahun ini, kes yang dilaporkan di negeri Perak adalah sebanyak 425 kes, berbanding 175 kes dalam tempoh yang sama pada tahun lepas. Angka ini menunjukkan peningkatan ketara dalam tempoh setahun," katanya.

Sementara itu Noraini berkata Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited dalam memperkukuhkan dasar, undang-undang serta mekanisma dalam menyampaikan maklumat dan sokongan kepada komuniti terutamanya mangsa keganasan rumah tangga.

Beliau berkata usaha meningkatkan kesedaran, memberi keyakinan dan keberanian kepada wanita untuk bersuara, serta menyediakan ruang sokongan dan pemulihan yang selamat merupakan komponen penting dalam menangani isu itu secara menyeluruh.

"Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga atau Aku Wanita@KRT diwujudkan sebagai platform strategik bagi mendekati masyarakat melalui aktiviti berimpak tinggi yang telus terhadap masyarakat dalam menangani masalah KRT (keganasan rumah tangga).

"Komitmen KPWKM adalah jelas untuk mencegah, melindungi dan memulihkan, tiada siapa yang akan tercicir dalam sistem sokongan kita," katanya.

Disiarkan pada: Ogos 20, 2025 @ 4:46pm

## KPWKM Komited Perkukuhkan Dasar Dan Undang-Undang, Bendung Keganasan Rumah Tangga

20 August 2025 Berita Utama

IPOH, 20 Ogos – Komitmen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk menangani keganasan rumah tangga adalah jelas dan tidak berbelah bahagi.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, kementerian terbabit akan terus melaksanakan program berbentuk pencegahan, perlindungan dan pemulihan agar tiada siapa pun tercicir daripada sistem sokongan yang diwujudkan.



"KPWKM sentiasa komited dalam memperkukuhkan dasar, undang-undang serta mekanisma dalam menyampaikan maklumat dan sokongan kepada komuniti terutamanya mangsa keganasan rumah tangga.

"Usaha meningkatkan kesedaran, memberi keyakinan dan keberanian kepada wanita untuk bersuara, serta menyediakan ruang sokongan dan pemulihan yang selamat merupakan komponen penting dalam menangani isu ini secara menyeluruh.

"Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga atau Aku Wanita@KRT diwujudkan sebagai platform strategik bagi mendekati masyarakat melalui aktiviti berimpak tinggi yang telus terhadap masyarakat dalam menangani KRT," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga atau Aku Wanita@KRT, di Dewan Galasa Caldwell, di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat; Datuk Salbiah Mohamed; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Negeri Perak; Jenny Choy Tsi Jen; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Canning merangkap Timbalan Dipertua Speaker Dewan Undangan Negeri Perak; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pembangunan); Halizah Sipun dan wakil daripada agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Noraini yang juga Ketua Wanita UMNO Malaysia menjelaskan melalui program ini, isu-isu berkaitan keganasan rumah tangga akan dibincangkan secara mendalam bersama pakar dalam bidang tersebut dan juga pemandiri yang telah bangkit dari masalah KRT sebelum ini.




"Sesi intervensi psikologi yang dinamakan 'K-Chat' juga telah diperkenalkan. Sesi ini merupakan intervensi berkumpulan antara pemandiri bersama kaunselor dan fasilitator terlatih untuk membantu peserta memahami dan menangani isu yang melanda diri akibat keganasan.

"KPWKM menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menjalankan pelbagai program lain bagi membantu wanita seperti forum keganasan rumah tangga bertajuk 'Ayoh Berani Lapor', program psikopendidikan seperti Program Meningkatkan Daya Tahan dan Psikologi Wanita (Matahari) dan Program Literasi Perundangan dan Hak Wanita (IRIS) serta Skuad Waja," katanya lagi.

Tambah Noraini, dengan penganjuran program seumpama ini akan dapat meningkatkan kesedaran dan memberi manfaat kepada para peserta kerana keganasan rumah tangga memberi kesan besar terhadap institusi sosial negara. – *UMNO Online*

## KPWKM sedia beri input cadangan penubuhan tribunal demi kebaikan kanak-kanak

astro AWANI
Bernama
20/08/2025 | 20:45 MYT



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata ini memandangkan KPWKM bertanggungjawab terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 dan beberapa akta lain yang berkaitan. - Gambar fail/BERNAMA

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedia memberi input sewajarnya setelah cadangan untuk menubuhkan tribunal berhubung kes buli membabitkan pelajar dan kanak-kanak dibawa ke Jemaah Menteri.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata ini memandangkan KPWKM bertanggungjawab terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 dan beberapa akta lain yang berkaitan.

"Kementerian memainkan peranan yang agak penting adalah kementerian kita (KPWKM). Cuma kita tunggu dibawa ke Kabinet nanti dan akan beri input berdasarkan apa akan dikemukakan kerana kita menjaga Akta Kanak-Kanak 2001 dan akta lain untuk kanak-kanak.

"Tetapi, inilah yang mungkin kita perlu melihat kepada apa relevan dari segi tribunal tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas majlis pelancaran The Wall of Iron Strong anjuran Danone Malaysia di sini hari ini.

Mengenai penubuhan tribunal itu, Nancy berkata usaha berkenaan perlu disambut baik dan KPWKM sentiasa komited untuk bekerjasama dengan semua pihak demi kebajikan serta kesejahteraan kanak-kanak.

"Kalau ia di bawah kementerian kami (KPWKM) maka kami akan kerja keras ataupun mungkin di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini dilapor berkata cadangan penubuhan tribunal berhubung kes buli membabitkan pelajar dan kanak-kanak akan dibawa ke mesyuarat Kabinet.

Ini susulan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said dilaporkan berkata bahawa kerajaan akan meneliti keperluan untuk menggubal Akta Anti-Buli yang memberi penekanan kepada penubuhan sebuah tribunal, bagi mendengar kes buli melibatkan pelajar dan kanak-kanak.

Azalina berkata perbincangan di peringkat dasar amat penting kerana setiap kementerian berkaitan seperti KPWKM, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Perpaduan Negara mempunyai pandangan tersendiri mengenai aspek penguatkuasaan akta berkenaan.

Beliau juga dilapor berkata isu utama ketika ini ialah ketiadaan definisi khusus berkaitan perbuatan atau hukuman bagi kesalahan buli di bawah mana-mana peruntukan undang-undang sedia ada.

Kes-kes berkaitan buli pada masa ini ditangani melalui pelbagai akta antaranya seperti Akta Keselamatan Dalam Talian, Akta Antigangguan Seksual, undang-undang buruh serta beberapa peruntukan dalam Kanun Keseksaan.

Dalam perkembangan lain, Nancy berkata KPWKM meneruskan kerjasama strategik bersama Danone dalam usaha meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak khususnya di institusi di bawah seliaan kementerian itu.

Beliau berkata The Wall of Iron Strong merupakan usaha bersama rakan strategik, Danone serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam memerangi anemia, iaitu kekurangan zat besi dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia.

Nancy berkata Iron Strong Study dari Danone mendapati bahawa satu daripada tiga kanak-kanak berusia enam hingga 36 bulan berisiko mengalami anemia kekurangan zat besi.

"Risiko ini paling tinggi ketika usia enam hingga 12 bulan (34.5 peratus), dan masih tinggi pada usia 12 hingga 36 bulan (27.7 peratus).

"Angka ini bukan sekadar statistik. Ia adalah cerminan cabaran sebenar sedang dihadapi kebanyakan keluarga di Malaysia, terutamanya ibu bapa muda yang mahukan terbaik untuk anak mereka," katanya.

Beliau berkata masalah itu bukan perkara kecil memandangkan kekurangan zat besi boleh menjejaskan tumbesaran fizikal, keupayaan pembelajaran dan juga keyakinan diri anak-anak.

"Atas sebab itu, kerajaan menyokong pelaksanaan saringan mandatori anemia kekurangan zat besi di klinik kanak-kanak di seluruh negara.

"Langkah ini juga seiring dengan Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) yang menekankan kepentingan penjagaan kesihatan preventif dan perluasan akses kepada infrastruktur serta perkhidmatan asas, termasuk di kawasan luar bandar," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | KES KEGANASAN RUMAH TANGGA DI SARAWAK MENUNJUKKAN PENINGKATAN PADA 2024 | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | UTUSNA BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT : | 04 |
| TONE : | NEUTRAL | SEKTOR : | KPWKM |




**UNTUK ALBUM:** Rosey bersama yang lain merakam kenangan pada Majlis Penutupan Program Breaking The Silence: Violence Prevention In Sarawak di Kuching, kelmarin.

# Kes keganasan rumah tangga di Sarawak menunjukkan peningkatan pada 2024

**KUCHING:** Kes keganasan rumah tangga di Sarawak menunjukkan peningkatan apabila sebanyak 552 kes direkodkan pada 2024, berbanding 465 kes pada 2023.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) Sarawak menunjukkan bahagian Kuching mencatat jumlah tertinggi iaitu 190 kes pada 2024 berbanding 162 kes pada tahun sebelumnya.

"Kedua tertinggi ialah bahagian Miri, namun kes di bahagian itu menunjukkan penurunan iaitu daripada 131 kes pada 2023 kepada 110 kes pada 2024.

"Meskipun demikian, kita harap statistik yang direkodkan oleh PDRM Sarawak akan terus menurun secara keseluruhan kerana isu ini sangat membimbangkan," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak Datuk Rosey Yunus pada Majlis Penutupan Program Breaking The Silence: Violence Prevention In Sarawak di sini, kelmarin.

Fatimah menegaskan bahawa keganasan rumah tangga boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira umur, jantina, latar belakang atau status kewangan.

"Jika dilihat daripada statistik tadi, ia bukan sahaja melibatkan mangsa perempuan, tetapi juga lelaki. Mangsa lelaki pada 2023 mencatatkan seramai 178 orang dan meningkat kepada 181 orang pada 2024. Manakala mangsa perempuan pula seramai 287 orang pada 2023 dan meningkat kepada 371 orang pada 2024," jelasnya.

Menurutnya, ini menunjukkan isu keganasan rumah tangga bukan hanya melibatkan keganasan fizikal sahaja.

"Sebaliknya juga boleh berlaku dalam bentuk manipulasi emosi yang menghakis harga diri, kawalan kewangan yang memerangkap mangsa dalam kebergantungan serta kesan psikologi berpanjangan yang boleh menjejaskan seumur hidup.

"Tindakan ini melintasi sempadan masyarakat dan sebab itu sangat penting untuk kita berbicara mengenai isu ini," tambah beliau.

Menurut Fatimah, Kerajaan Sarawak komited dalam menangani isu keganasan rumah tangga dengan melaksanakan pelbagai inisiatif utama seperti program jangkauan komuniti 'Know Your Rights', siri webinar 'Pocket Talk' serta penubuhan One Stop Crisis Centres (OSCC) di hospital seluruh negeri untuk menyediakan sokongan perubatan, polis dan psikologi.

"Kita juga menyediakan bantuan guaman melalui Jabatan Bantuan Guaman Sarawak bagi membantu mangsa mendapatkan perintah perlindungan dan urusan mahkamah serta menyediakan tempat perlindungan sementara untuk mangsa dan keluarga serta membantu mendengar dan mengeluarkan perintah perlindungan bagi pihak mangsa melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," kata beliau.

Namun tegasnya, menangani keganasan rumah tangga memerlukan pendekatan menyeluruh seluruh masyarakat melibatkan kerajaan, NGO, pemimpin komuniti, sektor korporat dan orang awam.

"Justeru, program Breaking The Silence: Violence Prevention In Sarawak yang diadakan hari ini bukannya titik akhir, tetapi peluang untuk memperkukuh kerjasama.

"Cadangan yang dikemukakan hari ini akan menjadi asas kepada pelan tindakan yang lebih menyeluruh.

"Kita akan terus berinteraksi dengan pakar serta komuniti terjejas untuk memastikan tiada suara mangsa yang tidak didengari," tambah beliau.

Untuk rekod, program anjuran Majlis Pembangunan Sosial Sarawak (MPS) itu bertujuan memperkukuh kolaboratif antara kerajaan, komuniti dan sektor swasta, meningkatkan kesedaran mengenai isu kritikal seperti keganasan rumah tangga, kesejahteraan kanak-kanak dan pembangunan wanita serta merangka tindakan konkrit berasaskan input daripada semua pihak berkepentingan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KESEDARAN AWAM CEGAH ISU KEGANASAN RUMAH TANGGA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kesedaran awam cegah isu keganasan rumah tangga



## Pakar gesa pendekatan menyeluruh bendung masalah kian membimbangkan

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhrencana@bh.com.my

**Keganasan** rumah tangga antara masalah sosial yang semakin membimbangkan di seluruh dunia, termasuk di Malaysia.

Ia merangkumi pelbagai bentuk penderaan seperti fizikal, emosi, seksual dan kewangan yang dilakukan oleh pasangan atau ahli keluarga terhadap individu lain dalam rumah tangga.

Isu ini bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan mangsa secara langsung, malah turut meninggalkan kesan psikologi mendalam, yang kadangkala berpanjangan seumur hidup.

Pakar Klinikal Perubatan Keluarga Management and Science University (MSU), Dr Haslina Mukhtar Aajamer, masalah keganasan rumah tangga isu kompleks dan memerlukan pendekatan pelbagai hala untuk mengatasinya.

Beliau berkata, perselisihan faham, masalah komunikasi serta masalah kewangan antara punca keganasan semakin tinggi, terutama dalam kalangan suri rumah.

Katanya, penyalahgunaan dadah, kurang sokongan sosial selain kebergantungan kewangan tinggi golongan suri rumah turut menjadi faktor yang mempengaruhi keganasan dalam rumah tangga.

"Selain itu, bebanan kerja rumah dan mengurus anak banyak tersandar di bahu wanita walaupun bekerja sepenuh masa.

"Menurut data awal tahun ini, sehingga April sebanyak 2,467 kes keganasan rumah tangga direkodkan di seluruh negara dan jika trend ini berterusan, iaitu purata kira-kira 616 kes sebulan.

"Maka, unjuran untuk keseluruhan tahun ini boleh mencecah sekitar 7,392 kes, melebihi angka pada 2024," katanya kepada *BH*.

Media sebelum ini melaporkan, sebanyak 2,467 kes keganasan rumah tangga direkodkan di seluruh negara bagi tempoh Januari hingga April lalu.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dilapor berkata, hasil kajian menunjukkan suri rumah adalah golongan tertinggi menjadi mangsa keganasan rumah tangga.



Haslina Mukhtar Aajamer

Fauziah Mohd Sa'ad

### Kerjasama pelbagai pihak

Sementara itu, Pakar Psikologi Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr Fauziah Mohd Sa'ad, berkata pelbagai pihak perlu bekerjasama, termasuk antara keluarga, komuniti, pihak berkuasa, institusi agama dan sistem kesihatan mental untuk menangani masalah keganasan rumah tangga.

Katanya, golongan wanita khususnya suri rumah perlu diperkasa dari segi emosi, ekonomi dan undang-undang, manakala masyarakat perlu dibimbing untuk menolak normalisasi penderaan dalam rumah tangga.

"Program pendidikan emosi dan pengurusan konflik dalam kalangan pasangan, terutama sebelum dan selepas perkahwinan adalah penting untuk menangani masalah ini.

"Langkah memberi sokongan kepada mangsa terbabit menerusi penubuhan lebih banyak pusat transit perlindungan yang mesra wanita dan anak juga perlu.

"Bagi intervensi komuniti dan undang-undang pula, adalah penting untuk memperkasakan komuniti setempat seperti jiran, ketua kampung, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai barisan hadapan yang peka dan mampu bertindak awal.

"Penguatkuasaan undang-undang secara tegas, termasuk mempercepatkan proses perundangan untuk mangsa DV (domestic violence) juga penting," katanya.

Apa yang pasti, usaha pencegahan, pendidikan kesedaran awam, serta sokongan undang-undang yang tegas amat penting bagi melindungi mangsa dan memutuskan kitaran keganasan.

Tanpa tindakan bersepadu, masalah ini akan terus menjejaskan struktur keluarga dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PROGRAM ADVOKASI KESIHATAN REPRODUKTIF DIPERLUAS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Program advokasi kesihatan reproduktif diperluas

**Usaha** meningkatkan kesedaran kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja dipergiatkan dengan pelaksanaan program advokasi 'I Am in Control' oleh Yayasan OrphanCare, yang kini diperluas ke seluruh negara.

Program setahun yang bermula Disember lalu itu memfokuskan pendidikan tepat dan bersesuaian usia mengenai identiti jantina, keizinan, gangguan seksual, penyakit jangkitan seksual (STD) dan pencegahan kehamilan tidak dirancang, sekali gus memperkasa remaja membuat keputusan bijak mengenai kesihatan diri.

Koordinator Projek, Noor Halimahton Sa'adiah Talib, berkata pendekatan interaktif bersama sekolah, komuniti, agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi membolehkan mesej penting ini sampai secara berkesan kepada kumpulan sasar.

Katanya, setakat ini program berkenaan sudah memberi manfaat kepada 1,700 pelajar di Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Kedah dan Negeri Sembilan dengan sasaran 2,500 pelajar menjelang hujung tahun ini.




*Baby Hatch yang disediakan di pejabat Yayasan OrphanCare.* (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Noor Halimahton berkata, pihaknya mendapati masih ramai pelajar tidak mengetahui makna sebenar rogol atau gangguan seksual.

"Ada pelajar mengaku dirogol bapa tiri, tetapi tidak sedar ia adalah rogol kerana menyangka ia hanya dilakukan oleh orang luar. Ada juga yang baru sedar mereka menjadi mangsa gangguan seksual selepas mengikuti program ini," katanya kepada *BH*.

Menurut beliau, pendedahan ini amat penting bagi membantu remaja menjaga keselamatan diri, mengelakkan hubungan seksual berisiko dan memahami hak mereka.

Sejak 2008, Yayasan OrphanCare yang mengendalikan kemudahan Baby Hatch berjaya menyelamatkan 690 bayi, termasuk 38 kes setakat tahun ini.

Daripada jumlah itu, 22 bayi ditinggalkan di dalam peti khas Baby Hatch di sembilan lokasi, manakala selebihnya diserahkan secara terus kepada pihak yayasan.

"Pada 2024, kita merekodkan 94 bayi diselamatkan iaitu jumlah tertinggi sejak penubuhan. Perbezaan ketara berbanding 2023 yang mencatatkan 55 bayi membuktikan kesedaran masyarakat untuk meninggalkan bayi di tempat selamat semakin meningkat," katanya.

Selain pendidikan, Yayasan OrphanCare turut menyalurkan bantuan kepada ibu yang mendapatkan perlindungan melalui Program Sokongan Ibu dengan dana zakat Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB).

Seramai 17 ibu daripada golongan B40 beragama Islam menerima sokongan, termasuk sesi kaunseling, lampin pakai buang dan susu bayi, dengan syarat mereka menjaga sendiri anak serta memenuhi kriteria kelayakan.

"Matlamat kami bukan hanya menyelamatkan nyawa bayi, tetapi membina generasi remaja yang celik kesihatan reproduktif, mampu membuat keputusan bijak dan melindungi diri daripada risiko," kata Noor Halimahton.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KELANTAN HEADING TOWARDS BECOMING AGEING STATE | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE SUN |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kelantan heading towards becoming ageing state

**KOTA BHARU:** Kelantan is projected to become an ageing state in less than a decade.

Kelantan National Population and Family Development Board director Haslinda Hassan said last year, 11.1% of Kelantan's population were aged 60 and above and the figure is expected to reach 15% by 2032.

"This is more than just about numbers; it carries major implications for the economy, workforce, social planning and healthcare system, with a shrinking young labour pool and growing need for elderly care.

"What is more worrying, many elderly people are still living in poverty, particularly those who live alone in rural areas without close family support," she said when reading a speech by the board director-general in conjunction with the Kelantan-level World Population Day celebration at Universiti Malaysia Kelantan here on Tuesday.

Haslinda said according to the Statistics Department's 2024 data, Kelantan is estimated to have a population of 1.9 million and is now undergoing a demographic transition with major implications for the state's future.

She said one of the main indicators of this change is the state's total fertility rate, which has declined from 3.6 children in 2014 to 2.7 children in 2023.

"Although this figure is still above the population replacement level of 2.1 children, the trend clearly signals that Kelantan is heading towards becoming an ageing state.

"Among the factors contributing to this decline are the tendency to marry late, rising cost of living, lifestyle changes and the preference for smaller families," she said.

The number of marriages in Kelantan has also decreased from 22,347 in 2021 to 16,925 in 2023, while the average age at first marriage increased from 28.2 years in 2016 to 29.9 in 2023 for men, and from 28.2 years to 30.6 years for women.

"Financial factors, lack of suitable partners and prioritising career development are among the main reasons marriages are being delayed. As the age of marriage rises, the reproductive window shortens, which directly affects future birth rates.

"Therefore, this important input should be taken into account when formulating state policies, interventions and action plans that inclusively address the needs of the population," she added. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 5 TEENS CHARGED WITH VERBALLY ABUSING ZARA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE SUN |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 01&03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 5 teens charged with verbally abusing Zara

**All accused plead not guilty at Kota Kinabalu Children's Court, which sets Sept 25 for mention of their case and allows bail of RM5,000 with one surety for each of the students.**

Report on page 3

# Five teens face charges of verbal abuse towards Zara

Accused pleaded not guilty and court allowed RM5,000 bail each with one surety: DPP

**KOTA KINABALU:** Five teenage girls were charged at the Children's Court yesterday with using abusive words against Form One student Zara Qairina Mahathir last month. The charges against the five were read before Sessions Judge Elsie Primus in closed proceedings.

According to the charge sheet, the five, acting with common intention, allegedly uttered abusive words directed at Zara Qairina, which were heard by the victim and could have caused her distress.

The offence was allegedly committed at Block A-3-6 of the Rabiatul Adawiyah dormitory at Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Datu Mustapha Limauan W.D.T 15, Papar, between 10pm and 11pm on July 15.

The charge was framed under Section 507C(1) of the Penal Code, read together with Section 34, which carries a maximum jail term of one year, or a fine or both upon conviction.

DPP Nor Azizah Mohamad told the media outside the court after proceedings that all the students had pleaded not guilty to the charges.

"The court set Sept 25 for mention of the case and allowed bail of RM5,000 with one surety for each of the teenagers," said Nor Azizah, who was assisted by DPPs Nik Haslinie Hashim and Deepa Nair Thevaharan.

Lawyer Datuk Ram Singh represented the first accused while the other four were represented by lawyers Azhier Farhan Arisin, Abdul Fikry Jaafar, Farah Nazriah Chun Lee, Fareez Salleh and Sylyester Kuan.

Previously, the Attorney-General's Chambers (AGC) in a statement said it had examined the investigation papers into the student's death, which were referred by the police and decided to charge several suspects based on available evidence.

The AGC also said an inquest still needs to be conducted to determine the actual cause of death.

On Aug 12, the AGC decided on the inquest to ascertain the cause and circumstances behind the death of Zara Qairina after reviewing the investigation report submitted by the police. The Coroner's Court, on Monday, set Sept 3 for the inquest.

Zara Qairina died at Queen Elizabeth I Hospital on July 17 after she was found unconscious in a drain near the school hostel on the morning of July 16. – Bernama

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FIVE GIRLS CHARGED IN COURT OVER ALLEGED ABUSE OF ZARA | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | THE STAR |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT : | 04&06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Five girls charged in court over alleged abuse of Zara

**KOTA KINABALU:** With tight security around the Kota Kinabalu court complex, five teenage girls were brought in via three vans – one of them a decoy – to face charges over the bullying of a schoolmate, Zara Qairina Mahathir.

The three heavily tinted vans entered the court compound at 9.05am, with its occupants – believed to be the girls and their family members – hustled into the court through a back entrance.

Inside the Children's Court, the five girls pleaded not guilty to charges of hurling abusive words against 13-year-old Zara Qairina, their hostel mate who died after an apparent fall from the third floor of her dormitory building in Papar on July 16.

She was found unconscious in a drain near the dormitory and died a day later.

The five were accused of common intention of allegedly uttering abusive words to Zara Qairina, which was heard by the victim and probably caused distress at the hostel between 10pm and 11pm on July 15.

The charges were framed under Section 507C(1) of the Penal Code, read together with Section 34 of the same Code. If convicted, the five face up to one year's imprisonment, a fine or both.

As they were all underage, the girls' identities were withheld under the Child Act.

Lawyer Datuk Ram Singh, representing the first accused, applied for a gag order during the proceeding, saying he did it "for the children".

Judge Elsie Primus allowed the order.

She set Sept 25 for the first pre-trial case management and Oct 16 for the second pre-trial case management. The trial proper will be held between Dec 8 and Dec 12 and from Dec 15-19, in open court.

The court granted bail of RM5,000 each, with RM1,000 to be deposited and one surety required.




**Facing the law:** A vehicle believed to be carrying five teenagers facing charges of using abusive language against Zara Qairina last month seen leaving the premises of the Kota Kinabalu Court Complex. – Bernama

WATCH THE VIDEO TheStarTV.com

It is learnt that they paid the bail.

Police presence was heavy in and around the court compound and access to the Children's Court was further restricted, with officials conducting body and bag checks even on police officers and lawyers attending the proceedings.

Only reporters bearing official tags were allowed to cover the proceedings, especially after several reporters had complained about unidentified people disrupting official media zones.

About a dozen social media influencers standing outside the court compound were not allowed in.

The gag order, meanwhile, caused some confusion as several lawyers declined to give details of the charges or even the plea of the five teenagers.

However, deputy public prosecutor Nor Azizah Mohamad told reporters later that the five had pleaded not guilty.

Lawyer Hamid Ismail, who represents Zara Qairina's family, explained that the gag order had nothing to do with VVIPs as claimed by some.

"This is Malaysian law," he said. "The Child Act clearly states that the identities of children must remain confidential, whether during investigation or trial."

FOR MORE: See page 6

# Experts: Focus on prevention, not punishment, for bullying

By DIYANA PFORDTEN
diyana.pfordten@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** While the proposed tribunal for bullying cases can provide expertise needed to handle such cases involving children, preventive measures must be prioritised to reduce incidences of bullying, say legal experts.

Bar Council member New Sin Yew said cases involving minors should be handled by experts rather than conventional law enforcement.

He said a special tribunal made up of child experts, educators, psychologists and legal professionals would be better equipped to deal with such matters as the focus should be on the child's best interests rather than punitive measures.

"Conventional police powers and procedures are not suited for handling such cases," he said.

However, New said preventive measures were equally crucial for children's overall well-being.

Association of Women Lawyers committee member Meera Samanther said while a tribunal could be useful in handling cases beyond bullying, any legal framework should go hand in hand with preventive strategies.

"We need a system that instils positive values and prevents bullying from happening in the first place," she said, urging the government to create more supportive school environments.

Human Rights Commission of Malaysia commissioner Ragunath Kesavan questioned the proposed tribunal, questioning the necessity, cost and transparency.

He said Malaysia already had a justice system and warned against creating a parallel system without addressing fundamental issues.

Ragunath highlighted concerns about cost and logistics, noting the difficulty of ensuring access to such a tribunal for communities across the country, particularly in Sabah and Sarawak.

Instead of creating new structures, he called on the government to focus on prevention and awareness, inculcate human rights values in the education system and ensure complaints processes were available.

> "We need a system that instils positive values and prevents bullying from happening in the first place."
> Meera Samanther

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LIMA REMAJA PEREMPUAN DIDAKWA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSNA BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 01&02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lima remaja perempuan didakwa

**KOTA KINABALU:** Lima remaja perempuan didakwa di Mahkamah Kanak-Kanak di sini semalam atas pertuduhan menggunakan perkataan mencela terhadap seorang pelajar tingkatan satu Zara Qairina Mahathir, bulan lepas.

Kes itu disebut di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Elsie Primus, pada prosiding yang dijalankan secara tertutup.

Mereka didakwa dalam mencapai niat bersama, telah menggunakan perkataan mencela terhadap Zara Qairina, 13, yang mana perkataan tersebut didengari oleh mangsa yang mungkin menyebabkan pelajar itu terganggu dengan perkataan tersebut.

Kelima-lima pelajar didakwa melakukan perbuatan itu di blok Asrama Rabiatul Adawiyah Dorm A-3-6, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Datu Mustapha Limauan W.D.T 15, Papar, dekat sini antara jam 10 malam dan 11 malam, pada 15 Julai lepas.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 507C (1) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga setahun atau denda atau kedua-dua sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Nor Azizah Mohamad ketika ditemui media di luar mahkamah selepas prosiding berkata, kesemua pelajar tersebut mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadap mereka.

"Mahkamah menetapkan 25 September ini untuk sebutan semula kes dan membenarkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin untuk setiap remaja itu," katanya yang dibantu Timbalan Pendakwa Raya Nik Haslinie Hashim dan Deepa Nair Thevaharan.

Peguam Datuk Ram Singh mewakili tertuduh pertama, manakala empat lagi diwakili peguam Azhier Farhan Arisin, Abdul Fikry Jaafar, Farah Nazriah Chun Lee, Fareez Salleh dan Sylyester Kuan.

Sebelum ini, Jabatan Peguam Negara (AGC) dalam kenyataan memaklumkan pihaknya telah meneliti kertas siasatan kes kematian pelajar itu yang dirujuk oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan memutuskan untuk mendakwa beberapa suspek berdasarkan keterangan yang ada.

AGC turut memaklumkan prosiding inkues masih perlu dijalankan bagi menentukan punca sebenar kematian Zara Qairina.




**TUMPUAN RAMAI:** Sebahagian wartawan berkumpul di luar Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu pagi semalam untuk membuat liputan susulan lima remaja perempuan bawah umur dijadual didakwa di Mahkamah Kanak-Kanak berhubung kes pelajar Zara Qairina Mahathir. — Gambar Bernama

## ● Hadapi pertuduhan guna perkataan mencela terhadap Zara Qairina.

Lihat Muka 2

## Lima remaja perempuan didakwa

Dari Muka 1

Pada 12 Ogos, AGC memutuskan untuk menjalankan inkues bagi menentukan punca dan sebab kematian pelajar Tingkatan Satu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Datu Mustapha itu, selepas meneliti laporan siasatan dikemukakan PDRM berhubung kes tersebut.

Mahkamah Koroner di sini pada Isnin menetapkan 3 September ini untuk memulakan prosiding inkues bagi menyiasat punca kematian Zara Qairina.

Zara Qairina meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth I pada 17 Julai selepas dijumpai tidak sedarkan diri dalam longkang berhampiran asrama sekolah itu pada pagi 16 Julai. — Bernama




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FIVE TEENAGE GIRLS CHARGED WTIH USING ABUSIVE WORDS AGAINST ZARA QAIRINA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




A van carrying the five accused teenagers leaves the Kota Kinabalu Court Complex at the end of the proceeding. – Bernama photo

# Five teenage girls charged with using abusive words against Zara Qairina

**KOTA KINABALU:** Five teenage girls were charged at the Children's Court here yesterday with using abusive words against Form 1 student Zara Qairina Mahathir last month.

The charges against the five were read before Sessions Court judge Elsie Primus in closed proceedings.

According to the charge sheet, the five, acting with common intention, allegedly uttered abusive words directed at Zara Qairina, which were heard by the victim and could have caused her distress.

The offence was allegedly committed at Block A-3-6 of the Rabiatul Adawiyah Dormitory at SMK Agama Tun Datu Mustapha Limauan W.D.T 15, Papar, between 10pm and 11pm on July 15.

The charge, framed under Section 507C(1) of the Penal Code read together with Section 34, carries a maximum jail term of one year or a fine, or both, upon conviction.

Deputy public prosecutor Nor Azizah Mohamad told the media outside the court after proceedings that all the students had pleaded not guilty to the charges.

"The court set Sept 25 for mention of the case and allowed bail of RM5,000 with one surety for each of the teenagers," said Nor Azizah, who was assisted by DPPs Nik Haslinie Hashim and Deepa Nair Thevaharan.

FOR VIDEO

BORNEO POST online

Lawyer Datuk Ram Singh represented the first accused, while the other four were represented by lawyers Azhier Farhan Arisin, Abdul Fikry Jaafar, Farah Nazriah Chun Lee, Fareez Salleh, and Sylyester Kuan.

On Monday, the Coroner's Court here set Sept 3 to commence the inquest proceedings to investigate the cause of Zara Qairina's death.

Zara Qairina died at Queen Elizabeth I Hospital on July 17 after being found unconscious in a drain near the school hostel on the morning of July 16.

Meanwhile, lawyers representing Zara Qairina's family are urging more witnesses to come forward ahead of two separate court hearings into her alleged bullying and the inquest into her death.

Hamid Ismail said while he could not disclose details of the closed-door hearing due to Section 15 of the Child Act 2001, the legal team welcomed anyone with relevant information to assist in the ongoing investigation and inquest.

"If there are still witnesses out there, please reach out to us... That's our specific request. So far there are people who have reached out to me personally, so that's good," he told reporters outside the courthouse, adding that he would filter their accounts first.

Hamid, whose legal team consists of Shahlan Jufri, Rizwandean M. Borhan, Mohd Luqman Syazwan Zabidi, Mohd Syarulnizam Mohd Salleh, and Farrah Nasser, confirmed that several witnesses had already come forward but declined to reveal the number, citing legal restrictions.

The Children's Court had yesterday prohibited the disclosure of proceedings involving minors, stressing it was to protect the children's best interests.

"It's not because of VVIP, it's not because of anyone's influential position. Don't get the wrong idea that this is a game played by the authorities. The identity of children is protected by law," Hamid said.

The gag order was made under Section 15 of the Child Act 2001.

He added that the legal team has also filed to be included as an interested party in the inquest into Zara Qairina's death.

Zara Qairina's mother has alleged that her daughter was a victim of bullying and sexual harassment, sparking nationwide concern and calls for accountability. – Bernama/Malay Mail

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | 5 REMAJA DIDAKWA MENCELA ZARA QAIRINA | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT : | 01&04 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



Wadah Pembaharuan

BH BeritaHarian

Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my

## 5 remaja didakwa mencela Zara Qairina

• Mahkamah Kanak-Kanak Kota Kinabalu tetapkan 25 September ini untuk sebutan semula kes dan benarkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin untuk setiap remaja.

• Mereka didakwa dengan niat bersama gunakan perkataan mencela terhadap Zara Qairina, 13, yang mana perkataan itu didengari mangsa yang mungkin menyebabkan pelajar itu terganggu dengan perkataan berkenaan. Nasional 4, 5



**Pendakwaan kes berkait Zara Qairina Mahathir**

HAKIM
Elsie Primus

TERTUDUH
5 pelajar perempuan

PERTUDUHAN
Mengikut Seksyen 507C(1) Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34

HUKUMAN
Sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga setahun atau denda atau kedua-duanya sekali

JAMINAN
RM5,000 setiap tertuduh oleh seorang penjamin

TIMBALAN PENDAKWA RAYA
Nor Azizah Mohamad, Nik Haslinie Hashim, Deepa Nair Thevaharan

PEGUAM BELA
Datuk Ram Singh, Joan Goh, Prem Elmer Ganasan, Azhier Farhan Arisin, Abdul Fikry Jaafar Abdullah, Fareez Salleh dan Sylvester Kuan

PEGUAM PEMERHATI KELUARGA ZARA QAIRINA
Hamid Ismail, Shahlan Jufri, Rizwandean M Borhan, Mohd Luqman Syazwan Zabidi, Mohd Syarulnizam Mohd Salleh dan Farish Nasser

PEGUAM PEMERHATI SABAH LAW SOCIETY
Dominic Ghani dan Nabila Norsahar

Kes kematian Zara Qairina

## Lima remaja dituduh guna perkataan mencela

**Tertuduh mengaku tidak bersalah, sebutan semula kes 25 September dan 16 Oktober**

Oleh Irwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Lima remaja didakwa di Mahkamah Kanak-kanak, di sini semalam, atas pertuduhan menggunakan perkataan mencela terhadap Allahyarham Zara Qairina Mahathir.

Semua remaja berusia bawah 18 tahun itu yang identiti mereka tidak boleh didedahkan mengikut Akta Kanak-kanak 2001, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Elsie Primus, pada prosiding tertutup.

Mengikut pertuduhan, mereka dituduh dalam mencapai niat bersama, menggunakan perkataan mencela terhadap arwah Zara Qairina yang mana perkataan itu didengari yang mungkin menyebabkannya berasa terganggu dengan perkataan berkenaan, antara kira-kira jam 10 hingga 11 malam 15 Julai lalu di sebuah sekolah di Papar.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 507C (1) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara hingga setahun atau denda atau kedua-dua sekali, jika sabit kesalahan.

**Ikat jamin RM5,000**

Timbalan Pendakwa Raya Nor Azizah Mohamad, ketika ditemui pemberita di luar mahkamah berkata, setiap tertuduh dibenarkan ikat jamin RM5,000 dengan deposit RM1,000 dan seorang penjamin warga tempatan.

Beliau berkata, hanya perkara itu boleh didedahkan, manakala hal lain yang berkaitan dengan prosiding tidak boleh didedahkan berikutan perintah larangan dikeluarkan mahkamah.

Selain Nor Azizah, pihak pendakwaan turut dibarisi Timbalan Pendakwa Raya Nik Haslinie Hashim dan Deepa Nair Thevaharan.

Pasukan peguam, Datuk Ram Singh, Joan Goh dan Prem Elmer Ganasan mewakili seorang daripada tertuduh berkenaan, manakala baki empat tertuduh lagi diwakili peguam Azhier Farhan Arisin, Abdul Fikry Jaafar Abdullah, Farah Nazriah Chan Lee, Fareez Salleh dan Sylvester Kuan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 25 September dan 16 Oktober depan, manakala pendengaran kes bermula 8 hingga 12 Disember serta 15 hingga 19 Disember.

Pada 16 Julai lalu, Zara Qairina dilaporkan ditemui tidak sedarkan diri di dalam longkang berhampiran asrama sekolahnya pada jam 3 pagi.

Mangsa dilaporkan jatuh dari tingkat tiga asrama sekolah dan dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth, dekat sini sebelum disahkan meninggal dunia sehari kemudian.



Pasukan keselamatan berkawal di pekarangan Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin/BH)

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | 'KHIDMAT KAMI PRO BONO, TERTUDUH BUKAN ANAK VVIP' | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT : | 04 |
| TONE : | NEUTRAL | SEKTOR : | KPWKM |

# 'Khidmat kami pro bono, tertuduh bukan anak VVIP'

**Kota Kinabalu:** Semua peguam mewakili lima remaja yang berdepan pertuduhan membuli Allahyarham Zara Qairina Mahathir, menyediakan khidmat pembelaan kepada tertuduh secara pro bono (percuma).

Tanpa mendedahkan identiti atau status tertuduh, peguam Datuk Ram Singh, menegaskan bahawa anak guamnya bukanlah anak kepada mana-mana individu kenamaan atau VVIP.

"Anak guam kami bukan anak VVIP, sebaliknya seorang remaja yang juga berhak mendapat pembelaan mengikut undang-undang.

"Kami didekati keluarga mereka untuk mendapatkan bantuan guaman dan bersama peguam lain, kami mewakili mereka secara pro bono," katanya ketika ditemui sebelum prosiding di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bermula pagi semalam.

Ram bersama Joan Goh dan Prem Elmer Ganasan, mewakili seorang daripada lima tertuduh.

Manakala, empat lagi tertuduh diwakili oleh peguam bela, Azhier Farhan Arisin; Abdul Fikry Jaafar Abdullah; Fareez Salleh dan Sylvester Kuan.

Mereka turut menegaskan bahawa anak guam masing-masing bukan daripada keluarga VVIP.

Azhier menegaskan, tertuduh yang diwakilinya juga berhak diberi peluang untuk mengemukakan keterangan bagi menyokong pembelaan.

"Anak guam kami berhak mendapat perlindungan yang dijamin undang-undang, termasuk hak untuk mengemukakan bukti dan keterangan di mahkamah," katanya.

Terdahulu, lima remaja itu didakwa di Mahkamah Kanak-Kanak di sini atas pertuduhan menggunakan kata-kata menghina terhadap Allahyarham Zara Qairina Mahathir. Mereka mengaku tidak bersalah.

Prosiding dijalankan secara tertutup dengan kawalan keselamatan ketat.

## Mohon perintah larangan

Selepas perbicaraan, media dimaklumkan bahawa Ram memohon perintah larangan (*gag order*) yang sekali gus menghalang pendedahan lanjut mengenai apa yang berlaku sepanjang prosiding dalam di Mahkamah Kanak-Kanak itu.

Zara Qairina, 13, meninggal dunia dalam rawatan di Hospital Queen Elizabeth pada 17 Julai lalu, iaitu sehari selepas ditemui tidak sedarkan diri di tingkat bawah asrama sekolahnya dekat Papar pada 16 Julai.

Sementara itu, peguam, Hamid Ismail, yang mewakili Noraidah Lamat, ibu kepada Zara Qairina, berkata pihaknya tidak dibenarkan bercakap mengenai prosiding yang berlangsung kerana wujudnya *gag order* itu.

"Kami didekati keluarga mereka untuk mendapatkan bantuan guaman dan bersama peguam lain, kami mewakili mereka secara pro bono"

***Ram Singh,***
*Peguam*



"Kami memohon maaf, kalau perkara lain kami boleh jawab, tetapi untuk prosiding hari ini kami tidak dibenarkan kerana adanya Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001 dan juga gag order.

"*Gag order* hanya untuk kes ini, tetapi inkues tidak ada dan boleh dibuat liputan," katanya yang hadir sebagai pemerhati dalam kes itu.

Dalam pada itu, beliau turut menjelaskan kepada orang ramai mengenai proses perundangan membabitkan kanak-kanak yang tertakluk kepada Akta Kanak-Kanak 2001.

"Bagi kanak-kanak, banyak perkara yang tidak boleh didedahkan kerana wujudnya Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001 yang menghalang penyiaran mengenai kanak-kanak, sama ada melalui tempat tinggalnya, nama atau ibu bapanya," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PROSIDING 5 REMAJA DIKAWAL KETAT POLIS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

Kes kematian Zara Qairina

# Prosiding 5 remaja dikawal ketat polis



*Kenderaan membawa lima remaja meninggalkan Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, semalam.*
(Foto Mohd Adam Arinin/BH)

## Dua sekatan jalan raya diadakan di pintu masuk utama Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu

Oleh Olivia Miwil
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Prosiding pendakwaan terhadap lima remaja perempuan yang didakwa secara bersama menggunakan perkataan mencela terhadap Allahyarham Zara Qairina Mahathir berlangsung dalam kawalan ketat polis di Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, semalam.

Dua sekatan jalan raya diadakan di pintu masuk utama seawal jam 7.40 pagi, manakala polis dilihat meronda di kawasan sekitar kompleks.

Beberapa individu yang cuba menyiarkan secara langsung menerusi media sosial dalam kawasan mahkamah dihalang pegawai Jabatan Penerangan Sabah manakala hanya petugas media berdaftar dibenarkan membuat liputan.

Sebelum prosiding bermula, beberapa ahli parti politik berpakaian sut dilihat menunggu di luar bilik mahkamah.

Semua pihak berkepentingan, termasuk peguam mewakili kelima-lima remaja, peguam keluarga Zara Qairina serta wakil Persatuan Undang-Undang Sabah perlu mendaftar sebelum dibenarkan masuk ke Mahkamah Kanak-Kanak.

### Masuk guna laluan alternatif

Sekitar jam 9 pagi, beberapa kenderaan polis dipercayai membawa remaja terbabit masuk melalui laluan alternatif.

Mengikut Seksyen 5 Akta Kanak-Kanak 2001, sebarang maklumat, gambar atau butiran yang boleh mendedahkan identiti kanak-kanak adalah dilarang untuk dilaporkan.

Bagi memastikan kawalan, meja turut disusun kira-kira 20 meter dari Mahkamah Kanak-Kanak bagi menghalang orang ramai menghampiri prosiding tertutup itu.

Hanya beberapa kru penyiaran dibenarkan membuat liputan langsung dari sebalik penghadang yang disediakan.

Prosiding bermula jam 9.30 pagi dan berakhir sekitar tengah hari dengan rehat di antara sesi. Ketika itu, kurang 100 orang berkumpul di luar mahkamah tanpa sebarang plakad atau laungan slogan.



*Dua sekatan jalan raya diadakan di pintu masuk utama seawal jam 7.40 pagi.*

Zara Qairina, 13, ditemui tidak sedarkan diri di sekolahnya pada 16 Julai lalu dan meninggal dunia sehari kemudian di Hospital Queen Elizabeth.

Peguam keluarga Zara Qairina keluar dari mahkamah pada jam 11.30 pagi dan memaklumkan kepada media bahawa perintah larangan (gag order) telah dikenakan.

Peguam, Hamid Ismail berkata, sebarang pendedahan mengenai prosiding boleh dianggap menghina mahkamah.

Timbalan Pendakwa Raya, Nor Azizah Mohamad, berkata permohonan perintah larangan dibuat peguam Datuk Ram Singh.

Beliau turut menegaskan, media hanya boleh melaporkan pertuduhan dan syarat ikat jamin, tetapi bukan usia tertuduh.

Difahamkan, kelima-lima remaja itu dibawa keluar semula menggunakan kenderaan sama sekitar jam 2 petang ke destinasi tidak didedahkan.




# [TERKINI] Kes Zara Qairina: 5 remaja dituduh guna perkataan mencela, mengaku tidak bersalah

Oleh Izwan Abdullah - Ogos 20, 2025 @ 12:42pm




Timbalan Pendakwa Raya, Nor Azizah Mohamad. - Foto Buletin TV3

KOTA KINABALU: Lima remaja didakwa di Mahkamah Kanak-kanak di sini, hari ini, atas pertuduhan menggunakan perkataan mencela terhadap Allahyarhamah Zara Qairina Mahathir.

Kesemua remaja berumur bawah 18 tahun itu yang identiti mereka tidak boleh didedahkan mengikut Akta Kanak-kanak 2001, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Elsie Primus, pada prosiding tertutup.

Mengikut pertuduhan, mereka dituduh dalam mencapai niat bersama, telah menggunakan perkataan mencela terhadap arwah Zara Qairina yang mana perkataan itu didengari yang mungkin menyebabkannya berasa terganggu dengan perkataan berkenaan, antara jam kira-kira 10 hingga 11 malam 15 Julai lalu di sebuah sekolah di Papar.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 507C (1) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara hingga setahun atau denda atau kedua-dua sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nor Azizah Mohamad, ketika ditemui pemberita di luar mahkamah berkata setiap tertuduh terbabit dibenarkan ikat jamin RM5,000 dengan deposit RM1,000 dengan seorang penjamin warga tempatan.

Beliau berkata, hanya perkara itu boleh didedahkan, manakala hal lain yang berkaitan dengan prosiding tidak boleh didedahkan berikutan **perintah larangan** dikeluarkan mahkamah.

Selain Nor Azizah, pihak pendakwaan turut dibarisi Timbalan Pendakwa Raya, Nik Haslinie Hashim, dan Deepa Nair Thevaharan.

Pasukan peguam, Datuk Ram Singh, Joan Goh dan Prem Elmer Ganasan mewakili seorang daripada tertuduh berkenaan, manakala baki empat tertuduh lagi diwakili oleh peguam, Azhier Farhan Arisin, Abdul Fikry Jaafar Abdullah, Farah Nazriah Chun Lee, Fareez Salleh dan Sylyester Kuan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 25 September dan 16 Oktober depan, manakala pendengaran kes bermula 8 hingga 12 Disember serta 15 hingga 19 Disember.

# Kes Zara Qairina: Peguam mohon 'gag order' daripada Mahkamah Kanak-Kanak – TPR

20 Ogos 2025, 4:38pm




*Peguam, Datuk Ram Singh hadir prosiding di Mahkamah Kanak-Kanak Kota Kinabalu, hari ini. – Foto NSTP*

**KOTA KINABALU:** Peguam, Datuk Ram Singh memohon perintah larangan bersuara atau gag order daripada Mahkamah Kanak-Kanak semasa prosiding bagi lima remaja yang didakwa dengan kes Allahyarham Zara Qairina Mahathir, pagi tadi.

Perkara itu dimaklumkan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Nor Azizah Mohamad semasa ditemui di Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, di sini.

"Peguam, Datuk Ram Singh," jawabnya ringkas kepada pemberita apabila ditanya siapa yang memohon perintah larangan bersuara itu.

Ditanya apa boleh dilaporkan berikutan perintah larangan itu, Nor Azizah berkata, media boleh melaporkan bahawa pertuduhan sudah dibacakan dan remaja terbabit tidak mengaku bersalah serta butiran mengenai jaminan.

Beliau juga mengingatkan bahawa umur kelima-lima remaja itu tidak boleh didedahkan.

Terdahulu, lima remaja yang dihadapkan di Mahkamah Kanak-Kanak berkenaan mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menggunakan perkataan mencela terhadap arwah Zara Qairina.

Pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 507C(1) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama.

Nor Azizah berkata, semua tertuduh dibenar ikat jamin RM5,000 serta seorang penjamin dengan RM1,000 sebagai deposit.

"Tidak ada pengakuan salah, 25 September ini tarikh sebutan semula. Setiap tertuduh dikenakan jaminan RM5,000 dengan RM1,000 deposit dan seorang penjamin," katanya.

Berdasarkan pertuduhan, kelima-lima tertuduh mencapai niat bersama dengan menggunakan perkataan mencela terhadap arwah Zara Qairina di sebuah sekolah di Papar pada jam 10 hingga 11 malam, 15 Julai lalu.

Zara, 13, ditemui tidak sedarkan diri di sekolahnya pada 16 Julai dan disahkan meninggal dunia keesokannya di Hospital Queen Elizabeth di sini.

# Kes Zara Qairina: Khidmat kami pro bono, tertuduh bukan anak VVIP - Ram Singh

Oleh Ersie Anjumin - Ogos 20, 2025 @ 5:27pm



Peguam Ram Singh

KOTA KINABALU: Semua peguam yang mewakili lima remaja yang didakwa membuli Allahyarham Zara Qairina Mahathir memberikan khidmat pembelaan kepada tertuduh secara pro bono (percuma).

Tanpa mendedahkan identiti atau status tertuduh, Datuk Ram Singh menegaskan bahawa anak guamnya bukanlah anak kepada mana-mana individu ternama atau VVIP.

"Anak guam kami bukan anak VVIP, sebaliknya seorang remaja yang juga berhak mendapat pembelaan di sisi undang-undang.

"Kami didekati oleh keluarga untuk mendapatkan bantuan guaman, dan bersama peguam lain, kami mewakili mereka secara pro bono," katanya ketika ditemui NST sebelum prosiding di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bermula pagi ini.

Pro bono merujuk kepada perkhidmatan yang diberikan secara percuma oleh peguam kepada individu atau organisasi yang tidak mampu membayar yuran guaman.

Ram bersama Joan Goh dan Prem Elmer Ganasan mewakili salah seorang daripada lima tertuduh.

Empat yang lain pula diwakili oleh peguam Azhier Farhan Arisin, Abdul Fikry Jaafar Abdullah, Fareez Salleh dan Sylvester Kuan.

**Semua tertuduh bukan anak VVIP**

Mereka turut menegaskan bahawa anak guam masing-masing bukan daripada keluarga VVIP.

Menurut Azhier, tertuduh yang diwakilinya juga berhak diberi peluang untuk mengemukakan keterangan bagi menyokong pembelaan.

"Anak guam kami berhak mendapat perlindungan yang dijamin undang-undang, termasuk hak untuk mengemukakan bukti dan keterangan di mahkamah," katanya.

**5 remaja tak mengaku salah dakwaan keluar kata-kata menghina**

Terdahulu, lima remaja berkenaan didakwa di Mahkamah Juvana di sini atas pertuduhan menggunakan perkataan mencela terhadap terhadap Allahyarham Zara Qairina. Mereka mengaku tidak bersalah.

Prosiding dijalankan secara tertutup dengan kawalan keselamatan ketat.

Selepas perbicaraan, media dimaklumkan bahawa Ram telah memohon perintah larangan (gag order), yang sekali gus menghalang pendedahan lanjut mengenai apa yang berlaku sepanjang prosiding di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak.

Zara, 13, meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth pada 17 Julai, sehari selepas ditemui tidak sedarkan diri di asrama sekolahnya di Papar pada 16 Julai lalu.

**Peguam ibu Zara tak dibenar bercakap**

Sementara itu, peguam Hamid Ismail yang mewakili Noraidah Lamat, ibu kepada Zara Qairina berkata, pihaknya tidak dibenarkan bercakap mengenai prosiding kerana wujudnya gag order.

"Kami memohon maaf, kalau perkara lain kami boleh jawab tetapi untuk prosiding hari ini kami tidak dibenarkan kerana adanya Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001 dan juga gag order.

"Gag order hanya untuk kes ini sahaja, tetapi inkues tidak ada dan boleh dibuat liputan," katanya yang hadir sebagai pemerhati dalam kes tersebut.

Dalam pada itu, beliau turut menjelaskan kepada orang ramai mengenai proses perundangan membabitkan kanak-kanak yang tertakluk kepada Akta Kanak-Kanak 2001.

"Bagi kanak-kanak, banyak perkara yang tidak boleh didedahkan kerana wujudnya Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001 yang menghalang penyiaran mengenai kanak-kanak, sama ada melalui tempat tinggalnya, nama atau ibu bapanya," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | AKTA KANAK-KANAK LINDUNGI SEMUA MANGSA, TERTUDUH, SAKSI | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | UTUSNA BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Akta Kanak-Kanak lindungi semua mangsa, tertuduh, saksi

## Prosiding secara tertutup lindungi hak dan maruah, jaga kerahsiaan

**KUALA LUMPUR: Akta Kanak-Kanak 2001 tidak hanya melindungi mangsa, sebaliknya ia merangkumi semua kanak-kanak, sama ada mangsa, saksi, atau tertuduh.**

Menurut Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri, prosiding di Mahkamah Kanak-Kanak juga dijalankan secara tertutup bagi melindungi hak dan maruah kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah serta menjaga kerahsiaan.

Ia juga bagi menjaga kebajikan kanak-kanak itu, sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), dan identiti kanak-kanak itu juga tidak boleh didedahkan kepada umum.

"Adakah Akta Kanak-Kanak hanya melindungi mangsa? Tidak. Akta ini melindungi semua kanak-kanak sama ada mangsa, saksi, atau tertuduh," menurut jawapan kepada beberapa soalan lazim berkaitan Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang dikeluarkan BHEUU.

Selain itu, apabila sesuatu mahkamah bersidang sebagai Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, ia akan diketuai oleh seorang Majistret yang akan dibantu dan dinasihati oleh dua panel penasihat, dengan seorang daripadanya mestilah seorang wanita.

> "Akta Kanak-Kanak juga tidak menghalang pelaku buli daripada dihukum kerana mana-mana pesalah laku kanak-kanak masih boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan."
>
> Kenyataan BHEUU

Menurut BHEUU Akta Kanak-Kanak 2001 menyeragamkan undang-undang yang ditakrifkan sebagai mana-mana individu berumur 18 tahun ke bawah berkaitan kanak-kanak di Malaysia, dengan matlamat utama memberi pemulihan dan penjagaan kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang, menjamin kerahsiaan dan maruah kanak-kanak, termasuk larangan media mendedahkan identiti mereka selaras dengan United Nations Child Rights Convention (UNCRC).

Menjelaskan mengenai perbezaan Akta Kanak-Kanak 2001 dengan Kanun Keseksaan, BHEUU berkata Kanun Keseksaan adalah undang-undang yang memperuntukkan kesalahan jenayah dan hukuman (punitive in nature).

"Akta Kanak-Kanak 2001 merupakan undang-undang yang bersifat procedural yang antara lain menyediakan kerangka pengendalian sekiranya seorang pesalah kanak-kanak dipertuduhkan dengan sesuatu pertuduhan jenayah," menurut BHEUU.

Akta Kanak-Kanak juga tidak mengenakan hukuman jenayah, sebaliknya hukuman jenayah ditetapkan dalam Kanun Keseksaan atau mana-mana undang-undang yang bersifat menghukum (punitive) yang lain.

"Akta Kanak-Kanak juga tidak menghalang pelaku buli daripada dihukum kerana mana-mana pesalah laku kanak-kanak masih boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan," menurut BHEUU.

Selain itu kepada soalan apakah undang-undang asas yang terpakai terhadap kanak-kanak yang melakukan jenayah, menurut BHEUU setiap individu bertanggungjawab ke atas perbuatan jenayah mereka, termasuk kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah.

"Kanun Keseksaan dan undang-undang lain yang bersifat punitif di Malaysia tidak mengecualikan mana-mana individu daripada liabiliti jenayah. Kes dan liabiliti jenayah tidak akan berubah walaupun ia melibatkan seorang pesalah kanak-kanak," kata BHEUU.

BHEUU turut mengingatkan sebarang penyebaran maklumat palsu yang boleh mengganggu ketenteraman awam, menjejaskan reputasi atau keselamatan seseorang, atau mengancam keselamatan negara merupakan suatu kesalahan jenayah.

"Kesalahan ini boleh ditangani di bawah Kanun Keseksaan, khususnya Seksyen 124I Kanun Keseksaan yang menyatakan sesiapa yang melalui lisan, tulisan, media cetak, atau apa-apa cara lain termasuk elektronik menyebarkan laporan palsu atau membuat kenyataan palsu yang berkemungkinan menimbulkan kegusaran awam, boleh dihukum penjara sehingga lima tahun," menurut BHEUU. — Bernama

# Kanak-kanak terlibat jenayah tetap boleh didakwa

Nasional - Dicipta: 20 Ogos 2025 11:46 AM



*Datuk Seri Azalina Othman berkata, undang-undang negara sedia ada terpakai kepada semua pihak tanpa mengira usia.*

***KUALA LUMPUR, 20 Ogos*** - Kanak-kanak yang terlibat dalam kesalahan jenayah termasuk perbuatan buli tetap dikenakan tindakan undang-undang serta dituduh di mahkamah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, undang-undang negara sedia ada terpakai kepada semua pihak tanpa mengira usia.

Bagaimanapun, prosedur perbicaraan bagi pesalah bawah umur dijalankan mengikut Akta Kanak-Kanak 2001.

"Kalau mereka kanak-kanak tidak boleh pergi ke mahkamah biasa. Dia kena pergi mahkamah lain, termasuk Mahkamah khas dengan persidangan tertutup, dengan kamera,

Apabila Persuruhjaya Kanak-Kanak berikan kenyataan, mereka terangkan prosedur, bagaimana kalau kanak-kanak dituduh, proses di mahkamah. Namun keputusan ditetapkan oleh hakim," katanya pada sidang media selepas menghadiri Forum Asean Law 2025 di ibu negara.

Beliau mengulas mengenai kekeliruan yang timbul susulan kenyataan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) semalam.

Tegasnya, badan itu hanya menjelaskan mengenai prosedur di mahkamah melibatkan kanak-kanak, bukan bermaksud tidak boleh didakwa.

Mengulas lanjut, kerajaan sedang meneliti keperluan untuk menggubal satu akta khusus berhubung isu buli.

Ini mengambil kira tindakan yang dikenakan kepada pelaku memandangkan istilah buli ketika ini boleh ditafsir melalui pelbagai kesalahan lain.

Ia termasuk gangguan seksual, jenayah siber, ugutan jenayah atau isu diskriminasi di tempat kerja. ##

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | PROPOSAL FOR ANTI-BULLYING TRIBUNAL TO BE REVIEWED | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT : | 03 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

AT CABINET MEETING

# Proposal for anti-bullying tribunal to be reviewed

**PUTRAJAYA:** The cabinet will review a proposal to establish a tribunal on bullying cases involving children, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

This follows Tuesday's announcement by Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said that the department's Legal Affairs Division would begin work on the initiative.

"This proposal will be brought to cabinet," Anwar told reporters after attending the Finance Ministry's monthly assembly.

Azalina had said the government, through the Legal Affairs Division, was studying setting up a cyberbullying tribunal and the appointment of an eSafety Commissioner, particularly to address bullying among children.

The initiative is aimed at providing swift remedies for victims, rehabilitation for offenders, and stronger digital safety education.

Azalina had said the government was considering a tribunal system to address bullying cases, with a focus on rehabilitation rather than punishment for minors.




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | A TRIBUNAL THAT CARES | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 01&04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# A tribunal that cares

An anti-bullying tribunal that the government is proposing must include those with experience and skills to deal with cases involving minors, say experts. They say the legal framework must also have prevention strategies and awareness on human rights values. **> See reports on page 4 & 6** **by MARTIN CARVALHO, JUNAID IBRAHIM and DIYANA PFORDTEN**

# Bullying tribunal on Cabinet agenda tomorrow

## Proposal part of wider policy goals to curb cases among minors

**PUTRAJAYA:** The proposal to set up a tribunal to address bullying cases involving minors will be tabled at the Cabinet meeting tomorrow, says Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The Prime Minister said that Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said will present the proposal to the Cabinet.

"The Cabinet will discuss this when we meet on Friday," he told reporters after attending the Finance Ministry's monthly assembly.

Azalina was previously reported as saying that the government is studying the need to enact an Anti-Bullying Act, with emphasis on setting up a tribunal to hear cases involving minors.

At another function, Azalina said discussions at the policy level are crucial as relevant ministries such as Women, Family and Community Development; Education; Higher Education, and National Unity may have their own views regarding enforcement aspects of the law.

"After each ministry submits its feedback, the Legal Affairs Division will conduct a detailed study (based on the information) and hold engagement sessions.

"The matter will then be brought to the policy level and subsequently to Parliament," she said at an event, Bernama reported.

Azalina said the main issue is the absence of a specific definition of bullying or penalties for such offences under existing legal provisions.

Currently, bullying-related cases are dealt with under various laws including the Online Safety Act and the Anti-Sexual Harassment Act, she said.

There are also provisions under labour laws and the Penal Code to deal with such cases, Azalina added.

The minister said the division will issue a list of Frequently Asked Questions to clarify the differences between the Penal Code and the Child Act to avoid confusion among the public.

"Many misunderstand ... children can still be charged under criminal laws.

"However, the procedure is different. For one, they cannot be tried in an open court.

"I want to give assurance that wrong is still wrong. The law applies to everyone, whether children or adults," she said.

# Cadangan Akta Antibuli perlu diteliti – Azalina

20 Ogos 2025, 10:56am



*Menurut Azalina, ketika ini kesalahan buli diambil tindakan mengikut pelbagai perundangan sedia ada.*

**Oleh: Afrina Romzi**

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan masih meneliti keperluan untuk menggubal satu akta khusus berhubung isu buli.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata ketika ini kesalahan buli diambil tindakan mengikut pelbagai perundangan sedia ada.

Ini termasuk Kanun Keseksaan, Akta Hasutan, Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Pekerjaan dan peruntukan lain bergantung kepada bentuk kesalahan yang dilakukan.

"Definisi buli tidak wujud secara khusus dalam undang-undang kita. Ia boleh meliputi banyak aspek sama ada fizikal, dalam talian, di sekolah, di pejabat, malah melibatkan gangguan seksual.

"Justeru, keputusan sama ada perlu diwujudkan akta khas atau tidak adalah di peringkat Kabinet," katanya pada Forum Undang-Undang ASEAN 2025 di sini, hari ini.

Azalina menegaskan, walaupun isu buli melibatkan kanak-kanak, undang-undang jenayah tetap terpakai tanpa pengecualian.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa prosiding di mahkamah berbeza kerana kanak-kanak perlu dibicarakan di mahkamah khas dengan prosedur tertentu di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

"Ramai salah faham, kononnya kanak-kanak tidak boleh didakwa. Hakikatnya, mereka boleh dituduh, tetapi prosesnya berbeza.

"Contohnya prosiding tertutup, penglibatan pelindung kanak-kanak dan peguam bela khas. Hukuman pula ditentukan mengikut umur dan latar belakang kanak-kanak terbabit," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata Kabinet perlu meneliti sama ada cadangan menggubal akta Antibuli itu hanya terpakai di institusi pendidikan atau diperluas ke tempat kerja dan ruang awam.

"Seperti isu gangguan seksual sebelum ini, kita akhirnya mewujudkan Akta Gangguan Seksual. Maka, perkara sama boleh dipertimbang dalam isu buli, bergantung kepada keputusan dasar Kabinet nanti," jelasnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa Garis Panduan Pencegahan Buli di sekolah sebenarnya sudah mencukupi, namun keberkesanannya bergantung kepada sejauh mana pihak sekolah melaksanakannya dengan tegas.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkenaan cadangan untuk menubuhkan tribunal berhubung kes buli membabitkan pelajar dan kanak-kanak.

# Jawatankuasa khas cadang sistem aduan 'child-friendly', dibentang minggu depan



Oleh FITRI NIZAM dan NUR AIMI HAZIRAH 20 Ogos 2025, 5:03 pm

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat akan membentangkan penyata khas berkaitan isu buli di sekolah pada Khamis depan.

Pengerusinya, Yeo Bee Yin berkata, laporan itu merupakan rumusan daripada sesi pendengaran bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta taklimat daripada beberapa kementerian terlibat.

Antaranya, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Katanya, pembentangan itu akan menekankan syor mewujudkan sistem aduan yang mesra kanak-kanak bagi memastikan isu buli dapat ditangani dengan lebih berkesan.

"Selepas pendengaran dengan NGO dan juga pendengaran taklimat daripada beberapa kementerian, kita akan kumpul dan rumuskan semua supaya kita boleh bentangkan satu penyata pada hari Khamis.

"Semua NGO dan aktivis yang ada kata ialah satu portal *child friendly*. Jadi kita akan tekankan supaya kita ada satu portal kebangsaan aduan buli yang mesra kanak-kanak," katanya kepada pemberita selepas Sesi Taklimat Menangani Buli Di Sekolah, di Parlimen, hari ini.

Jawatankuasa itu menegaskan isu buli pelajar perlu dijadikan agenda nasional dengan perhatian segera daripada semua pihak berikutan kebimbangan semakin meningkat.

Taklimat khas itu membabitkan Ahli Parlimen dengan kerjasama Childline Foundation, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam).

Ia membentangkan strategi pencegahan, pengesanan awal dan pembinaan persekitaran sekolah selamat selepas wujudnya keperluan mendesak melibatkan isu itu. – UTUSAN

# Polis siasat kejadian kanak-kanak dibuli, ditendang

Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my




GAMBAR hiasan

Pasir Gudang: Polis sedang menyiasat kejadian tular seorang kanak-kanak menjadi mangsa buli apabila ditendang kanak-kanak lelaki lain di bawah blok kawasan perumahan di Taman Molek, di sini.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Asisten Komisioner Mohd Sohaimi Ishak berkata, pihaknya mengesan rakaman video berdurasi satu minit 24 saat memaparkan mangsa lelaki didatangi sekumpulan empat kanak-kanak dengan seorang daripadanya menendang perut mangsa.

Katanya, siasatan mendapati kejadian berlaku kira-kira jam 2 petang pada 14 Julai lalu.

"Dalam kejadian itu, anak pengadu ditendang di bahagian perut oleh seorang kanak-kanak lelaki dipercayai tinggal di kawasan perumahan yang sama.

"Ibu mangsa berusia 33 tahun membuat laporan polis berhubung insiden berkenaan di Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam, semalam," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Menurutnya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja mendatangkan cedera, sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga setahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

Terdahulu, video rakaman kamera litar tertutup (CCTV) kejadian tular menunjukkan seorang kanak-kanak lelaki berseluar pendek dan memakai baju merah didatangi sekumpulan empat kanak-kanak lelaki lain.

Seorang daripada empat kanak-kanak itu menendang perut mangsa sebelum melarikan diri.

**Disiarkan pada: Ogos 20, 2025 @ 3:26pm**

# JKM Selangor beri kaunseling, ringan beban emosi keluarga arwah Syamsul Haris



Kerajaan Negeri Selangor memberi perhatian penuh kepada kebajikan keluarga Allahyarham Syamsul Haris Shamsudin, pelatih Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang meninggal dunia Julai lalu.

Exco Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari ***(gambar)*** berkata, ini termasuk dari sudut bantuan kaunseling dan sokongan untuk meringankan tekanan emosi yang ditanggung keluarga.

"Segala usaha digerakkan supaya keluarga tidak melalui saat sukar itu bersendirian. Petugas JKM Selangor telah hadir menziarahi ibu mangsa dan memberi bantuan kaunseling.

"Sokongan ini akan diteruskan sepanjang tempoh ibu dan keluarga Allahyarham Syamsul Haris Shamsudin memerlukan," katanya dipetik selepas menghadiri satu acara di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz pada Selasa.

Allahyarham Syamsul Haris, penuntut jurusan Sains Komputer (Keselamatan Siber), dipercayai meninggal dunia ketika menjalani latihan di Lapang Sasar Inokulasi Tempur, Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) Johor.

Ibu mangsa, Ummu Haiman Bee Daulatgun, 45, mendakwa terdapat kesan-kesan lebam dan kecederaan pada jasad anak lelakinya dan memohon satu Inkues dijalankan bagi menyiasat punca kematian anaknya.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari pada Jumaat lalu menziarahi keluarga Syamsul Haris dan menyatakan kesediaan pihak Kerajaan Negeri memberikan bantuan sepenuhnya kepada keluarga mangsa bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan.

# Ibu tunggal tabah besarkan tiga anak istimewa

Oleh **Zulhisham Isahak** - 20 August 2025



*Rahimah membacakan al-Quran semasa menjaga dan menguruskan Mohd Nihal di rumahnya di PPR Sungai Tiram, Johor Bahru hari ini.*

JOHOR BAHRU -Kehadiran sosok seorang ibu, sememangnya menjadi tulang belakang dan kekuatan dalam sebuah keluarga.

Apatah lagi jika dia merupakan seorang ibu tunggal dan diuji dengan pelbagai dugaan.

Bagi Rahimah Abdul Karim, 50, tiga daripada enam cahaya matanya merupakan anak istimewa.

Dia berkata, doktor memaklumkan ketiga-tiga anak istimewanya itu tidak akan mempunyai hayat yang panjang dan ramalan itu sudah menjadi realiti apabila seorang daripadanya sudah pergi menghadap ilahi.

"Doktor menyatakan usia tiga anak syurga saya tidak panjang, Alhamdullilah Allah masih meminjamkan dua daripadanya yang turut menjadi saham akhirat saya.

"Seorang daripada tiga anak istimewa itu iaitu anak keempat, Mohamad Rafiq Shah sudah meninggal dunia pada 2014 ketika usianya 14 tahun akibat jangkitan kuman pada paru-paru.

"Seorang lagi iaitu anak ketiga, Nurul Ain Abu Bakar, 26 mengalami masalah lembam manakala seorang lagi iaitu anak kelima, Mohd Nihal, 23, merupakan pesakit terlantar akibat masalah tulang belakang dan lumpuh," katanya ditemui di rumahnya di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Tiram, di sini, hari ini.

Menurutnya, anak lelakinya itu juga merupakan pesakit pneumonia hingga mengakibatkannya kerap menerima rawatan di hospital.

Kata Rahimah, Mohd Nihal juga kerap diserang sawan serta tidak mampu berkomunikasi.

"Doktor menyatakan mereka terutama Mohd Nihal tidak akan panjang umur dan berdepan dengan risiko pada bila-bila masa. Namun berkat doa kami sekeluarga, dia masih dipanjangkan usia," katanya.

Rahimah mengakui bukan mudah menjaga dua anak syurganya itu terutama Mohd Nihal manakala Nurul Ain turut memerlukan penjagaan kerana tidak mampu mengurus diri dengan baik.

Menurutnya, dalam mengurus dua cahaya mata berkenaan, dia turut diuji dengan masalah anxiety serta asma.

Katanya, ini mengakibatkan keadaan kesihatannya turut terjejas dan perlu mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar di hospital.

"Dua anak orang kurang upaya (OKU) saya masih perlukan perhatian sepanjang masa kerana mereka tidak boleh ditinggalkan bersendirian.

"Saya bersyukur kerana bekas suami membantu memberi jagaan kepada Mohd Nihal sekiranya keadaan kesihatan saya kurang baik termasuk mengurus perjalanan Mohd Nihal ke hospital," katanya.

Pada masa ini dia bergantung sepenuhnya kepada bantuan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM900 sebulan.

"Memang wang berkenaan hanya mencukupi bagi menampung sebahagian perbelanjaan keluarga termasuk membayar sewa rumah, bil utiliti serta keperluan anak hingga saya terpaksa mengikat perut serta meminjam daripada kenalan.

"Sebelum ini saya memang mengusahakan katering dari rumah namun tidak mampu mengambil tempahan yang banyak kerana semakin sibuk mengurus anak," katanya.

Rahimah berkata, dua anak lelakinya termasuk anak sulung dan kedua adalah normal dan mereka sudah berumah tangga.

"Dua anak saya sudah memiliki tanggunggan masing-masing dan mereka membantu sekadar yang mampu dan kebiasaannya saya juga tidak mengadu permasalahan kepada mereka kerana tidak mahu membebankan.

"Saya memasang impian untuk membelikan kerusi roda elektrik bagi Mohd Nihal yang bernilai RM4,000 kerana akan memudahkan ketika berurusan di hospital namun sehingga kini di luar kemampuan kami," katanya.

Orang ramai boleh menyalurkan sumbangan kepada ibu tunggal itu menerusi akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) Rahimah 0113629000137222. – MalaysiaGazette

# Suami isteri warga emas huni rumah sementara banjir sejak lebih sedekad

Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my



CHE Norhayati Mohamed (kiri) menyampaikan sumbangan barang keperluan asas dan wang zakat bagi mengurangkan beban pasangan suami isteri warga emas berkenaan ketika ditemui di Kampung Tok Bok. FOTO Hazira Ahmad Zaidi

Kuala Krai: Suami isteri warga emas dari Kampung Tok Bok, di sini, masih menghuni sebuah rumah sementara banjir sejak lebih sedekad lalu, selepas kediaman asal mereka musnah akibat banjir.

Pasangan itu kini hidup dalam keadaan serba kekurangan serta daif.

Lebih memilukan, Mahamad @ Mohd Alwi Jusoh, 78, buta akibat penyakit saraf sejak tujuh tahun lalu, dan isterinya, Rusnani Yusof, 54, mengalami masalah pendengaran serta menghidap beberapa penyakit kronik termasuk kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan juga saraf.

Meskipun hidup dalam serba kekurangan, pasangan ini tidak pernah merungut, sebaliknya tetap bersyukur kerana masih mempunyai tempat untuk berteduh walaupun dalam keadaan serba daif.

Mohd Alwi berkata, rumah mereka hanya berdindingkan papan lapis dan struktur sementara yang dibina oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bersimpati terhadap nasib penduduk yang kehilangan tempat tinggal akibat banjir besar yang melanda Kelantan pada 2014.

"Selepas lebih sedekad, rumah ini masih menjadi tempat kami berlindung tanpa perlu menyusahkan anak-anak, walaupun keadaannya tidak selesa dan tidak selamat untuk didiami dalam jangka masa panjang.

"Memandangkan rumah ini hanya mempunyai satu ruang kecil berbentuk kotak empat segi, saya terpaksa tidur dan menunaikan solat di bahagian luar yang hanya ditutup dengan kain, kerana ruang dalam terlalu sempit dan tidak mempunyai bilik," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Tok Bok.

Terdahulu Pengerusi Cempaka Merah Asnaf Society, Che Norhayati Mohamed menyampaikan sumbangan barang keperluan asas dan wang zakat bagi mengurangkan beban yang ditanggung pasangan warga emas berkenaan.

Mohd Alwi berkata, keadaan rumah yang sempit serta ketiadaan kemudahan asas seperti bilik air yang terletak di luar rumah menjadikan kehidupan seharian mereka amat mencabar, terutamanya ketika hujan lebat atau cuaca buruk.

Katanya, sebelum ini, dia bekerja sebagai pemandu jentolak, namun terpaksa berhenti selepas penglihatannya semakin merosot pada penghujung 2014, sebelum menjadi buta sepenuhnya pada 2018.

"Kini, saya dan isteri hanya bergantung sepenuhnya kepada bantuan diberikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 sebulan, selain mengharapkan ihsan orang sekeliling, selepas saya tidak lagi mampu keluar mencari rezeki.

"Wang bantuan yang diterima ini pun hanya cukup-cukup makan. Kadang-kadang kami terpaksa mencatu makanan dan berjimat sedaya mungkin, namun tetap bersyukur kerana tidak pernah berlapar. Anak-anak ada juga bantu, tapi sekadar kemampuan mereka kerana mereka sendiri pun bukan orang senang," katanya.

Katanya, dia amat berharap ada pihak yang sudi membantu menyediakan rumah yang lebih selesa untuk mereka berteduh.

"Bukan untuk mewah, cukuplah ada ruang secukupnya untuk kami berdua berteduh dan meneruskan sisa-sisa hidup ini dengan lebih tenang," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh menyalurkannya ke akaun Agrobank bernombor 2-00-6701-00016578-1 atas nama Mahamad @ Mohd Alwi Jusoh.

Disiarkan pada: Ogos 20, 2025 @ 8:07am

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAYAT BUDAK LEMAS DITEMUI DI KUALA SUNGAI SEMERAK | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



LOKASI kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun ditemui lemas dalam kejadian di kuala Sungai Semerak, Pasir Puteh.

# *Mayat budak lemas ditemui di kuala Sungai Semerak*

**Pasir Puteh:** Seorang kanak-kanak lelaki dipercayai lemas sebelum mayatnya ditemui berhampiran Sungai Semerak di sini.

Dalam kejadian jam 7.35 malam kelmarin, mangsa berusia 10 tahun ditemui orang awam sebelum menghubungi pihak polis.

Ketua Polis Daerah Pasir Puteh, Superintendan Zaizul Rizal Zakaria berkata, bertindak atas laporan diterima, sepasukan polis daripada balai Cherang Ruku dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Puteh bergegas ke lokasi dan menemui mayat mangsa di tebing muka kuala sungai berkenaan.

> “Setakat ini kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut
> Zaizul

Katanya, pemeriksaan lanjut di tempat kejadian tidak menemui sebarang unsur-unsur jenayah yang boleh dikaitkan dengan kejadian.

"Mangsa dibawa ke Hospital Tengku Anis (HTA) untuk tindakan lanjut.

"Setakat ini kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya ketika dihubungi semalam.

Individu yang mempunyai maklumat berhubung kejadian boleh menghubungi Ketua Polis Balai Selinsing, SM Mohd Aizirul Azhari di talian 019-4567181 atau Bilik Gerakan IPD Pasir Puteh di talian 09-7867222.

# Kanak-kanak ditemui lemas di muka sungai Kuala Semerak

Oleh Nor Amalina Alias - Ogos 20, 2025 @ 2:36pm



PASIR PUTEH: Seorang kanak-kanak lelaki ditemui lemas di muka kuala Sungai Semerak di sini, malam tadi.

Dalam kejadian itu, mangsa berusia 10 tahun ditemui orang awam sebelum menghubungi pihak polis jam 7.35 malam.

Ketua Polis Daerah Pasir Puteh, Superintendan Zaizul Rizal Zakaria berkata, bertindak atas maklumat sepasukan polis daripada balai Cherang Ruku dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Puteh bergegas ke lokasi dan menemui mayat di tebing muka kuala sungai berkenaan.

Katanya, pemeriksaan lanjut di tempat kejadian tidak menemui sebarang unsur jenayah yang boleh dikaitkan dengan kejadian.

"Mangsa dibawa ke Hospital Tengku Anis (HTA) untuk tindakan lanjut.

"Setakat ini, kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Mana-mana individu yang mempunyai maklumat berhubung kejadian boleh menghubungi Ketua Polis Balai Selinsing, Sarjan Mejar Mohd Aizirul Azhari di talian 019-4567181 atau Bilik Gerakan IPD Pasir Puteh di talian 09-7867222.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | POLICE WIDEN PROBE INTO CHILD EXPLOITATION RING | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | THE SUN |
| TARIKH : | 21 OGOS 2025 | M/SURAT : | 02 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Police widen probe into child exploitation ring

BY **FAIZ RUZMAN**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PUTRAJAYA:** Investigations into Geng Budak Sekolah have widened, with police focusing on individuals believed to be orchestrating the minors' involvement in online child exploitation.

Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail said the case involving a 12-year-old girl who created and managed a website to sell explicit photographs had exposed disturbing patterns of abuse.

"This is not a normal case. It involves children running platforms that require money transfers and digital coordination. Police have to approach it carefully, working with psychologists and child specialists to avoid further harm to the victims."

He said police have yet to establish the facts and stressed that the investigation must be handled with utmost care and in strict compliance with procedures as it involves minors.

"There are specific protocols for handling cases involving children, such as photographs cannot be shown, names cannot be disclosed and so forth. The police are therefore carrying out their duties through the Criminal Investigation Department's Women and Child Investigation Division (D11)," he told reporters after the Home Ministry's monthly assembly.

The group, with over 700 members, is believed to have operated through a WhatsApp platform in which images were circulated and payments arranged.

Saifuddin said enforcement teams are tracing the data trail and financial records to identify those profiting from the activities.

He drew comparisons with investigations into 'swinger' groups, in which the D7 anti-vice division infiltrated online networks and followed payments through mule accounts.

"In both cases, technology is being weaponised. The same investigative techniques used in adult exploitation cases can help uncover how children are being manipulated."

On Monday, Saifuddin told the Dewan Rakyat that the 12-year-old had quit school after her earnings from selling explicit images online surpassed her parents' combined income.

He also linked the case to a similar modus operandi in swinger activities that had been uncovered previously.

"In the swinger cases, the modus operandi was almost the same, where a fee was charged before participation. The difference is that one used dating websites, while the other was through WhatsApp. Both required lengthy surveillance processes," he added.